



**GARIS PANDUAN
PENAWARAN DAN PENDAFTARAN
SIJIL PROGRAM PENGKHUSUSAN
TERBUKA (SPPT)
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**PUSAT INOVASI DAN DAYA SAING AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

KANDUNGAN

1.0	Pengenalan.....	3
2.0	Definisi, Penawaran Bidang dan Kursus bagi Sijil Program Pengkhususan Terbuka.....	3
3.0	Tatacara Pendaftaran dan Pengguguran Kursus bagi Sijil Program Pengkhususan Terbuka.....	4
4.0	Pelaksanaan Peperiksaan bagi Sijil Program Pengkhususan Terbuka.....	5
5.0	Penganugerahan Sijil Program Pengkhususan Tertutup.....	5
6.0	Implikasi Kewangan.....	6

**GARIS PANDUAN PENAWARAN DAN PENDAFTARAN
SIJIL PROGRAM PENGKHUSUSAN TERBUKA (SPPT)
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan berkenaan dengan penawaran serta tatacara pendaftaran kursus bagi Sijil Program Pengkhususan Terbuka (SPPT) di Universiti Malaysia Pahang. Garis Panduan ini dibangunkan berdasarkan kepada kelulusan Mesyuarat Senat Kali Ke- 164 Bilangan 7/2020 pada 9 Julai 2020.

2.0 DEFINISI, PENAWARAN BIDANG DAN KURSUS BAGI SIJIL PROGRAM PENGKHUSUSAN TERBUKA

2.1 Program Pengkhususan Terbuka yang ditawarkan di UMP adalah berkonsepkan sijil pengkhususan program akademik sesuatu bidang dan ianya di tawarkan kepada semua pelajar Ijazah Sarjana Muda di UMP secara silang bidang dan pelbagai bidang (*multidisciplinary*).

2.2 Kolej Kejuruteraan, Kolej Teknologi Kejuruteraan, Kolej Komputeran Dan Sains Gunaan serta Kolej Pengurusan Dan Kemanusiaan yang menawarkan kursus bagi sijil program pengkhususan terbuka akan menawarkannya secara berpakej dan tidak berpakej (mengikut pengkhususan bidang). Bagi kursus berpakej, setiap pakej/bidang mengandungi 15 jam kredit secara keseluruhan. Pecahan penawaran kursus secara berpakej adalah seperti berikut:

- a) Empat (4) kursus berjumlah 12 jam kredit
(4 kursus x 3 kredit/kursus = 12 jam kredit)
- b) Satu (1) kursus berjumlah 3 jam kredit yang bersifat kerja kursus atau kajian kes berkaitan dengan bidang pengkhususan.

2.3 Bagi kursus yang tidak berpakej adalah merujuk kepada kursus sijil program pengkhususan terbuka yang didaftar oleh pelajar secara bebas seperti dibawah:

- a) Mendaftar sama ada satu, atau lebih kursus SPPT dalam bidang pengkhususan yang ditawarkan di bawah **SATU** Kolej Kejuruteraan, Kolej

Teknologi Kejuruteraan, Kolej Komputeran dan Sains Gunaan serta Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan.

- b) Mendaftar mana-mana kursus SPPT (sama ada satu, atau lebih kursus SPPT dalam bidang pengkhususan) yang ditawarkan di **MANA-MANA** Kolej Kejuruteraan, Kolej Teknologi Kejuruteraan, Kolej Komputeran dan Sains Gunaan serta Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan.
- 2.4 Kursus SPPT yang ditawarkan adalah bersifat pilihan kepada pelajar dan ia ditawarkan oleh Kolej Kejuruteraan, Kolej Teknologi Kejuruteraan, Kolej Komputeran dan Sains Gunaan serta Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan berdasarkan kepada kepakaran yang dimiliki oleh tenaga pengajar.
 - 2.5 Pelajar mempunyai pilihan sama ada untuk mengambil kursus SPPT secara berpakej (mengambil kesemua lima (5) kursus mengikut bidang pengkhususan) ataupun secara tidak berpakej (mengambil kurang dari lima (5) kursus).
 - 2.6 Kursus SPPT yang ditawarkan di UMP tidak mengganggu jumlah jam kredit yang diperlukan oleh pelajar untuk bergraduat di dalam sesuatu program akademik yang diikutinya. Pelajar yang mengambil kursus SPPT dan lulus akan memperolehi jam kredit tertakluk kepada bilangan kursus SPPT yang diambil.
 - 2.7 Senarai Bidang dan kursus SPPT yang ditawarkan oleh Kolej Kejuruteraan, Kolej Teknologi Kejuruteraan, Kolej Komputeran dan Sains Gunaan serta Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 3.0 **TATACARA PENDAFTARAN DAN PENGGUGURAN KURSUS BAGI SIJIL PROGRAM PENGKHUSUSAN TERBUKA**
 - 3.1 Penawaran bidang, kursus SPPT serta semester yang terlibat ditentukan oleh pihak Kolej Kejuruteraan, Kolej Teknologi Kejuruteraan, Kolej Komputeran dan Sains Gunaan serta Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan berdasarkan bidang kepakaran pensyarah serta telah diluluskan di peringkat Majlis Fakulti dan Mesyuarat Majlis Perancangan dan Pembangunan Akademik (MPPA).
 - 3.2 Senarai kursus dan bidang SPPT akan dipaparkan di dalam *e-community* pelajar di bahagian SPT *Course Registration* dan pelajar boleh membuat pendaftaran kursus secara dalam talian, mulai tarikh yang dimaklumkan sehingga minggu ke dua perkuliahan.

3.3 Sekiranya pelajar mendapati kursus SPPT yang telah didaftarkan tidak bersesuaian dan ingin membuat pengguguran kursus, proses pengguguran boleh dilaksanakan mulai minggu ke (3) tiga sehingga minggu ke (13) tiga belas sepanjang semester tersebut.

4.0 **PELAKSANAAN PEPERIKSAAN BAGI SIJIL PROGRAM PENGKHUSUSAN TERBUKA**

4.1 Proses *vetting* serta pelaksanaan untuk peperiksaan akhir adalah mengikut proses sedia ada Kolej Kejuruteraan, Kolej Teknologi Kejuruteraan, Kolej Komputeran dan Sains Gunaan serta Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan sepertimana yang telah ditentukan oleh Senat universiti.

4.2 Pengesahan bagi penilaian serta keputusan peperiksaan bagi kursus SPPT perlu disahkan sepertimana proses pengesahan keputusan peperiksaan pelajar yang telah ditentukan oleh Senat universiti.

5.0 **PENGANUGERAHAN SIJIL PROGRAM PENGKHUSUSAN TERBUKA**

5.1 Pelajar yang mengambil Kursus SPPT secara berpakej dan lulus kesemua kursus tersebut akan memperolehi 15 jam kredit untuk melayakkannya mendapatkan Sijil Program Pengkhususan Terbuka (SPPT). Bagi pelajar yang mengambil kursus SPPT yang tidak berpakej, jumlah jam kredit adalah tertakluk kepada bilangan kursus yang diambil.

5.2 Pelajar yang mengambil kesemua kursus SPPT yang ditawarkan secara berpakej dalam satu bidang akan mendapat SPPT bagi bidang tersebut manakala pelajar yang mengambil kursus yang tidak berpakej akan mendapat Sijil Tamat Kursus (STK) bagi kursus yang diambil.

5.3 Kolej Kejuruteraan, Kolej Teknologi Kejuruteraan, Kolej Komputeran dan Sains Gunaan serta Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan boleh melaksanakan majlis untuk penyerahan SPPT atau STK tersebut secara khas untuk meraikan para pelajar sekiranya ingin dilaksanakan.

6.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 6.1 Pelajar boleh mendaftar bagi kursus SPPT yang ditawarkan mengikut semester tanpa dikenakan bayaran ataupun yuran selagi pelajar masih berstatus pelajar aktif di UMP.
- 6.2 Pelajar hanya akan dikenakan bayaran ataupun caj sekiranya ingin mendapatkan Sijil Program Pengkhususan Terbuka (SPPT) ataupun Sijil Tamat Kursus (STK). Jumlah bayaran ataupun caj akan dimaklumkan kepada para pelajar setelah mendapat kelulusan daripada Pengurusan UMP dan akan dimaklumkan kepada pelajar.